

**27/09/2016 - Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun Kewangan 2015 Bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan**

Bismillahirrahmannirahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang  
Ketua Audit Negara;

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri,Dato'-Dato'  
Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan;

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Audit Negara;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita berhimpun pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2015.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Haji Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara di atas penganjuran dan jemputan untuk saya menyempurnakan Majlis ini.

### **Pengurusan Kewangan Awam**

3. Dalam ketidaktentuan ekonomi masa kini, perbelanjaan berhemah perlu dijadikan amalan dan budaya di dalam perkhidmatan awam. Seperti negara-negara lain, Malaysia juga terkesan dengan ketidaktentuan harga komoditi terutamanya minyak, kelapa sawit dan getah serta penyusutan nilai matawang ringgit. Perkara ini telah menjejaskan hasil pendapatan negara.

4. Dengan itu, prinsip '**Value For Money**' perlu diterapkan agar perbelanjaan yang dilakukan menghasilkan **outcome yang optimum** bersesuaian dengan jumlah wang yang telah dibelanjakan. Selain itu, pendekatan '**Value Management**' perlu ditekankan kerana melalui penjimatan yang dihasilkan serta pengurusan kewangan yang cekap, lebih banyak lagi projek dapat dilaksanakan bagi manfaat rakyat.

5. Dalam persekitaran ekonomi yang mencabar ini, pengurusan kewangan awam secara bersepadu dan terkawal, amatlah penting agar perencanaan pembangunan negara dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Oleh itu, setiap Pegawai Pengawal perlu memantau pengurusan kewangan organisasi masing-masing agar sentiasa dikendalikan dengan teratur, cekap dan berkesan.

6. Di samping pengauditan yang dilakukan oleh Jabatan Audit Negara, **Unit Audit Dalam Kementerian atau Agensi masing-masing juga perlu memainkan peranan *checks and balance*** yang lebih aktif dan berkesan. Aktiviti-aktiviti negatif seperti penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, pembaziran dan pemborosan dana awam perlu dibendung agar imej baik perkhidmatan awam terus dipelihara.

7. Sistem *checks and balance*, *frequent monitoring* dan *audit spot checks* hendaklah sentiasa dilakukan terutamanya di tempat yang mempunyai risiko tinggi berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Di samping itu, usaha-usaha pengukuhan jati diri,

pemantapan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan di kalangan penjawat awam juga perlu dilaksanakan secara berterusan.

### **Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan**

8. Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang diperkenalkan pada tahun 2007 telah memberi impak yang positif dan menjadi penanda aras (*benchmark*) ke arah penambahbaikan dan kecemerlangan pengurusan kewangan sektor awam. Saya difahamkan bahawa mulai tahun kewangan 2015, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan cemerlang dari 4 kepada 5 bintang. Penarafan semula ini bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi-Agensi lain. Pada tahun ini, saya dimaklumkan sebanyak **55 Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan menjadi penerima anugerah kecemerlangan bagi tahun kewangan 2015**. Saya mendapati prestasi di peringkat Kementerian telah menurun sedikit akibat penarafan semula ini, di mana **hanya 16 (64%) daripada 24 Kementerian yang memperoleh penarafan cemerlang** berbanding 20 (83%) Kementerian pada tahun 2014. Di peringkat Jabatan atau Agensi, **55% telah memperoleh penarafan 5 bintang** manakala hanya satu Badan Berkanun Persekutuan yang dinilai mendapat penarafan yang cemerlang. Sehubungan itu, Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing wajar mempertingkatkan pengurusan kewangan masing-masing agar mencapai penarafan 5 bintang pada masa hadapan.

9. Saya ingin mengingatkan bahawa Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan berada di tahap cemerlang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada **16 Kementerian, 22 Jabatan dan 1 Badan Berkanun Persekutuan yang berjaya mendapat penarafan 5 bintang** yang diraikan dalam majlis ini. Saya berharap prestasi cemerlang ini dapat dikekalkan setiap tahun dan prestasi sebegini dapat diiciapai oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.

10. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Haji Ambrin bin Buang serta seluruh warga Jabatan Audit Negara atas usaha dan komitmen padu mereka dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik. Dengan lafaz "**Bismillaahir rahmaanir rahim**", saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah

Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun Kewangan 2015  
Bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2083>